



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab ke atas sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

## **“SOLAT KUNCI KEJAYAAN”**

9 Disember 2022 / 14 Jamadil Awwal 1444

الْحَمْدُ لِلَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ<sup>١</sup>:

﴿قَدْ أَفَلَحَ الْمُؤْمِنُونَ ۚ ۝ الَّذِينَ هُمْ فِي صَلَاتِهِمْ حَشِيعُونَ ۝﴾

Bermaksud: Sesungguhnya berjayaalah orang-orang yang beriman. Iaitu mereka yang khusuk dalam sembahyangnya.  
(Surah al-Mukminun ayat 1 hingga 2)

أَشْهُدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ  
وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ<sup>2</sup> وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ وَالْتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ،  
فِيمَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ<sup>3</sup> أَوْصِينُكُمْ وَإِيَّاهُ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,**

Marilah kita tingkatkan ketakwaan kepada Allah SWT, dengan melaksanakan segala perintah, dan menjauhi segala larangan Nya. Mudah-mudahan hidup kita diberkati Allah, di dunia dan di akhirat. Mimbar akan membicarakan khutbah bertajuk:

## **“SOLAT KUNCI KEJAYAAN”**

Solat dari sudut bahasa bermakna “doa”, manakala dari sudut istilah syarak pula bermaksud “beberapa perbuatan dan perkataan yang dimulai dengan takbiratulihram dan diakhiri dengan salam, menurut syarat-syaratnya yang tertentu”. Solat lima waktu merupakan ibadah utama dan juga antara rukun Islam yang wajib dilaksanakan oleh setiap Muslim. Solat merupakan tiang agama dan amalan yang pertama akan dihisab oleh Allah SWT di akhirat kelak.

Kejayaan hakiki menurut Islam adalah dianugerahi kesejahteraan di dunia dan di akhirat. Kesejahteraan di dunia bermaksud ketenangan hidup yang lahir

<sup>1</sup> Pujian kepada Allah SWT

<sup>2</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>3</sup> Pesan Taqwa



daripada ketaatan kepada Allah. Kesejahteraan di akhirat pula hanya diperoleh apabila mendapat reda Allah dan dimasukkan ke dalam syurga Nya.

### **Hadirin yang dirahmati Allah,**

Berdasarkan Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (NHMS) 2019, hampir setengah juta rakyat Malaysia mengalami tekanan atau kemurungan. Pandemik Covid-19 mengakibatkan masalah kesihatan mental menjadi lebih buruk; ramai ahli masyarakat menghadapi masalah mental, tekanan dan kemurungan. Solat ialah ibadah yang dapat memberi ketenangan jiwa kepada manusia, seperti yang disabdakan oleh Nabi SAW:

**يَا بِلَالُ، أَقِمِ الصَّلَاةَ، أَرْخُنَا هَـا.**

Bermaksud: Wahai Bilal, dirikanlah solat. Rehatkanlah diri kita dengannya (solat).

(Riwayat Abu Daud)

Kajian oleh sekumpulan penyelidik dari Jabatan Kejuruteraan Biomedikal, Universiti Malaya, membuktikan bahawa solat yang diwajibkan kepada umat Islam, bukan hanya berperanan sebagai amalan kerohanian tetapi terbukti mempunyai hikmah tersirat terhadap kesihatan fizikal dan mental manusia, khususnya jika dilakukan dengan penuh khusyuk. Orang-orang yang sihat jasmani, emosi dan rohaninya, ialah orang-orang yang bahagia dan berjaya dalam hidupnya. Hal ini sesuai dengan seruan azan yang sentiasa mengajak manusia menuju kejayaan hidup setelah seruan menunaikan solat pada setiap hari.

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,**

Solat yang berkesan juga dapat mencegah seseorang daripada perbuatan keji dan mungkar. Seseorang yang tidak dapat meninggalkan perbuatan maksiat dan mungkar, bermakna solatnya masih belum sempurna. Oleh itu, kita wajib sentiasa bermuhasabah dan berusaha untuk meningkatkan kualiti solat kita.

Amalan solat pada awal waktu menjadi kunci kejayaan kerana orang yang istiqamah mendirikannya dapat mendisiplinkan dirinya dengan pengurusan waktu yang berkesan. Orang-orang yang mengutamakan hak Allah dalam urusan hidupnya, pasti akan mendapat rahmat dan hidayah Allah, seterusnya mencapai kejayaan dunia dan akhirat.

Sebab itulah amalan solat perlu dilatih sejak usia muda. Ibu bapa wajib mendidik anak-anak menunaikan solat. Pengurusan masjid dan surau perlu bijaksana melakukan



usaha yang berjaya menggalakkan ahli kariah agar istiqamah mendirikan solat fardu berjemaah.

Kerajaan juga bertanggungjawab melaksanakan dasar-dasar yang menjunjung perintah mendirikan solat seperti menyediakan kemudahan bersolat di tempat kerja dan menguatkuasakan peraturan yang membenarkan pekerja Muslim boleh menunaikan solat dalam waktu bekerja. Umat Islam perlu memberikan perhatian kepada seruan Allah kepada golongan yang meninggalkan solat seperti firman Nya:

﴿مَا سَلَكَ كُجُفٌ فِي سَقَرَ ﴾٤٥ ﴿ قَالُوا لِرَبِّنَا مَنْ أَمْسَأْتَنَا ﴾٤٦

Bermaksud: (Ahli syurga bertanya kepada ahli neraka) Apakah yang menyebabkan kamu masuk ke dalam (neraka) Saqr? Mereka (ahli neraka) menjawab; Kami (ketika di dunia) tidak termasuk dalam golongan yang mendirikan solat.

(Surah al-Muddathir, ayat 42-43)

Nabi SAW menganjurkan umatnya agar mendirikan solat secara berjemaah pada setiap waktu dengan menjanjikan 27 ganjaran lebih besar berbanding solat bersendirian. Secara lebih khusus, baginda amat menekankan solat Subuh dan Isyak secara berjemaah melalui sabda baginda dalam hadis:

.. وَلَوْ يَعْلَمُونَ مَا فِي الْعَنَمَةِ وَالصُّبْحِ لَا تَوْهُمَا وَلَوْ حَبُّوا

Bermaksud: Sekiranya mereka mengetahui apa (yang diganjarkan) pada solat Isyak dan Subuh, nescaya mereka akan mendatangi kedua-duanya, walaupun dalam keadaan merangkak. (Hadis Riwayat Bukhari & Muslim)

## (Hadis Riwayat Bukhari & Muslim)

## **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,**

Mimbar mengutarakan beberapa pengajaran yang perlu direnunggi bersama:

**Pertama:** Solat merupakan ibadah utama yang mempunyai banyak kelebihan dari sudut kerohanian serta kesihatan fizikal dan mental yang amat bermanfaat untuk kesejahteraan hidup manusia.

**Kedua:** Ibu bapa wajib memastikan anak-anak mendirikan solat dengan sempurna. Bimbing mereka mendirikan solat bermula umur tujuh tahun dan anak-anak boleh dipukul jika tidak mendirikan solat setelah mencecah umur sepuluh tahun, untuk mendidik mereka istiqamah dalam menunaikan solat.



**Ketiga:** Pengurusan masjid dan surau perlu bijaksana memperkenalkan pelbagai tarikan dalam usaha mahu menggalakkan lebih ramai ahli kariah mendirikan solat secara berjemaah. Begitu juga pihak berkuasa tempatan (PBT) perlu menambah surau bergerak di pasar malam dan tempat-tempat tumpuan orang ramai seperti yang dilaksanakan oleh Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) untuk memudahkan masyarakat mendirikan solat.

**Keempat:** Solat fardu yang dilakukan secara berjemaah bukan sahaja berjaya menjalankan hubungan hamba dengan Tuhan (حَبْلُ مِنَ اللَّهِ), bahkan turut mengukuhkan hubungan sesama manusia (حَبْلُ مِنَ النَّاسِ) yang natijahnya akan melahirkan masyarakat yang saling mengenali, bersatu dan berkasih sayang.

**Kelima:** Kejayaan menurut pandangan Islam tidak terbatas pada kesenangan hidup di dunia yang sementara. Kejayaan hakiki dianugerahi kesejahteraan di dunia dan kesejahteraan di akhirat. Al-Quran menjelaskan tentang kejayaan yang sebenar menerusi firman Allah:

**كُلُّ نَفْسٍ ذَآيَةٌ لِّلْمَوْتِ وَإِنَّمَا تُوقَنُ بِأَجْوَارِ كُفُّورِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ فَمَنْ رُحِّنَ عَنِ النَّارِ وَأَدْخَلَ الْجَنَّةَ فَقَدْ فَازَ وَمَا الْحَيَاةُ إِلَّا أَمَّاتُ الْفُرُورِ ﴿١٨٥﴾**

Bermaksud: Tiap-tiap yang bernyawa akan merasai mati, dan bahawasanya pada hari kiamat sahajalah akan disempurnakan balasan kamu. Ketika itu sesiapa yang dijauhkan daripada neraka dan dimasukkan ke syurga maka sesungguhnya dia telah berjaya. Dan (ingatlah bahawa) kehidupan di dunia ini (meliputi segala kemewahan dan pangkat kebesarannya) tidak lain hanyalah kesenangan yang memperdayakan.

(Surah Ali ‘Imran ayat 185)

**بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ وَنَفْعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقْبِيلِ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمِ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَأَسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.**



## Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ<sup>4</sup> حَمْدًا كَثِيرًا طَيْبًا مُبَارَكًا فِيهِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،  
وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ<sup>5</sup>  
وَعَلَى آئِلَّهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. آمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ<sup>6</sup> وَكُوئُنُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

**Muslimin yang dirahmati Allah,**

Bersempena majlis pelancaran kempen ‘Jom Solat’ yang telah diadakan di Masjid Sultan Idris Shah II (Masjid Negeri Perak) pada 8 Disember 2022, mimbar menyeru sekalian jemaah agar melaksanakan kewajipan solat pada awal waktu dan mendirikannya secara berjemaah.

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyak selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلِّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَأْيَهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلَوْا عَلَيْهِ وَسَلَّمُوا تَسْلِيمًا<sup>7</sup>

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ  
وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي  
الْعَالَمَيْنَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَحِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِيْنَ  
وَالْمُؤْمِنَاتِ<sup>8</sup>، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ وَالْفَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ  
وَالْحِكْمَةَ، وَثِيَّبْهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللهِ ﷺ.

<sup>4</sup> Memuji Allah

<sup>5</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>6</sup> Pesan Taqwa

<sup>7</sup> Ayat Al-Quran

<sup>8</sup> Doa untuk Kaum Muslimin



**Ya Allah! Ya Rabbal ‘alamin!** muliakan kami dengan takwa dan istiqamah. Jadikanlah kami dan seluruh ahli keluarga kami, hamba-hamba Mu yang khusyuk dan ikhlas dalam mendirikan ibadah solat. Bukakan pintu hati kami terdorong mengutamakan solat sebaik terdengar seruan azan dan melakukan solat secara berjemaah.

**Ya Mannan! Ya Razzaq!**, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan tuntutan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki yang berlipat ganda, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fuqara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

**Ya Dzal Jalaali wal Ikram!**, jadikanlah kami antara hamba Mu yang memelihara amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat seperti salah guna harta benda bukan milik kami, memberi atau menerima rasuah, menyalahgunakan kuasa untuk kepentingan diri, serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab yang diamanahkan.

**Ya Maalikal Mulk!**, jauhi negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah dan ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

**Ya Malik! Ya Hadi!**, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

**رَبَّنَا آتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ**

فيَّا عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَدْكُرُكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدُّكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرِ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.